



SIARAN MEDIA

KPKT FOKUS PEMBANGUNAN LANDSKAP BERKUALITI DAN KOMPREHENSIF DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 27 Ogos 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Projek Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan bertempat di Kawasan Lapang AU3 Setiawangsa (Taman Komuniti Keramat Wangsa) pada pagi ini.

Pembangunan Taman Komuniti ini telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggunakan geran bernilai RM1 juta yang diterima atas kejayaan menggungguli tempat pertama dalam Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah pada Tahun 2019. Projek ini melibatkan pembinaan pelbagai kemudahan seperti gelanggang futsal, trek jogging, laluan pejalan kaki, kawasan riadah dan kawasan lapang bagi aktiviti kemasyarakatan penduduk sekitar.

Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah adalah satu bentuk pengiktirafan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah menunjukkan kualiti pembangunan landskap yang terbaik. Ia merupakan usaha bersama dalam melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan infrastruktur landskap yang komprehensif, melalui penyediaan kawasan hijau dan landskap yang bermanfaat kepada masyarakat.

Penganjuran anugerah ini juga bertujuan untuk menggalakkan pembangunan landskap oleh pihak PBT bagi mewujudkan sebuah persekitaran yang kondusif dengan penglibatan masyarakat awam. Selain itu, ia juga adalah salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan landskap serta peranan masyarakat dalam menjaga kemudahan rekreasi yang disediakan.

YB Akmal berkata, "Landskap bukan hanya bersifat estetika semata-mata, malah merupakan satu keperluan hidup dan merangkumi aspek pemeraksanaan ekonomi, perekayasaan sosial dan kemampunan alam sekitar atau '*The 3 Pillars of Sustainability*' sebagai pra-syarat kepada kriteria sebuah Negara Maju."

Tambah beliau, "KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) sedang giat memperkemaskan sistem jaringan landskap negara, melaksanakan inisiatif serta program berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan aset landskap, meningkatkan kualiti perkhidmatan landskap dan memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu. Ia selari dengan bidang dan tanggungjawab KPKT yang merangkumi aspek Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDG*) di peringkat tempatan khususnya di bawah SDG 11: Perbandaran Dan Masyarakat Mampan (*Sustainable Cities and Communities*) menjadi fokus KPKT ke arah menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan."

YB Akmal turut menambah, "KPKT terus memberi fokus kepada aspek daya huni (*liveability*) yang menjadi satu instrumen penting dalam menentukan keselesaan persekitaran kehidupan. Setinggi-tinggi ucapan tahniah saya ucapkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas kemenangan tersebut dimana hasilnya dapat dilihat melalui kejayaan pembangunan Taman Komuniti di mana kita berada pada ketika ini."

Peningkatan jumlah penduduk yang semakin tinggi di kawasan perbandaran telah meningkatkan keperluan ruang hijau bandar sebagai medium interaksi sosial dan rekreasi. Justeru, pelaksanaan Projek Pembangunan Landskap Persekitaran kehidupan di Kawasan Lapang AU3 Setiawangsa ini diharap dapat dimanfaatkan dan dipelihara sepenuhnya oleh komuniti setempat.

Dalam majlis sama, YB Akmal juga telah menyempurnakan acara penanaman pokok *Syzygium Antisepticum (Blume)* sebagai simbolik perasmian projek. Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai pameran dan reruai dari agensi kerajaan dan swasta. Selain itu, para pengunjung juga boleh menyertai pelbagai aktiviti dan program seperti sukan rakyat, pertandingan gubahan bunga, pertandingan futsal, zumba dan lain-lain.

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan Dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBrs. Tuan Haji Mohamad Bin Hamim, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL; YBrs. Tuan Roslee Bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara; YBrs. Tuan Haji Zulkifli Bin Endut, Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL, barisan pengurusan tertinggi Jabatan dan agensi KPKT serta pegawai-pegawai DBKL.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

